



Playboy Itu Suami Aku?!

Suri Ryana

Download now

Read Online ➔

Playboy Itu Suami Aku?!

Suri Ryana

Playboy Itu Suami Aku?! Suri Ryana

“Kurang asam betul! Dahlah simbah aku dengan air lopak, tak mintak maaf langsung! Blah macam tu aje”

Itulah permulaan segala-galanya. Kehidupan Afina tidak pernah aman semenjak mengenali playboy itu. Seorang playboy yang kerap kali membuatkan dia panas hati. Raja Adrian Benjamin atau nama ‘manja’ yang diberikan oleh Afina, King of Crocodile memang menguji tahap kesabaran seorang gadis nerd yang tidak mempunyai penampilan menarik seperti Afina.

Pertemuan Afina dengan Puan Sri Zahida, ibu kepada Raja Adrian semasa menolong rakannya menggubah bunga di majlis hari jadi cucu Puan Sri benar-benar melontarkan gadis ini ke lembah yang lebih mencabar. Sikap Puan Sri yang nekad untuk bermenantukannya membuatkan gadis itu buntu. Tambahan pula dia sedar yang adik kembarnya, Afisyah adalah salah seorang teman wanita Raja Adrian Benjamin.

Afina dan Adrian, mulanya membantah dan menolak habis-habisan untuk disatukan. Akhirnya mereka bersetuju kerana masing-masing punya agenda tersendiri.

Afina terlibat dalam kemalangan dan tersedar dari koma sebagai penghidap amnesia. Lebih malang lagi apabila dia tidak langsung mengenali Adrian, suaminya sendiri. Terkejut besar gadis itu apabila mengetahui yang dia sudah berkahwin! Dengan seorang playboy pulak tu!

Bagi Adrian, Afina sekarang berbeza dengan Afina yang dulu. Afina telah berubah menjadi seorang yang lebih kasar dan tidak lagi mudah untuk dibuli seperti dahulu. Mereka kerap kali bertegang urat dan saling membuli hingga memutikkan bunga-bunga cinta di taman hati masing-masing.

Tapi, di saat mereka asyik menyulam cinta, Afina harus meninggalkan lelaki itu dan pergi jauh dari hidup Adrian. Apakah yang memaksa gadis itu meninggalkan lelaki yang dicintainya separuh mati itu? Adrian pula, setelah ditinggalkan buat kali kedua dalam hidupnya, dapatkah dia memaafkan wanita yang dicintainya?

“Playboy itu suami aku?! Biar betul!”

Playboy Itu Suami Aku?! Details

Date : Published April 2013 by Penerbitan Kaki Novel Sdn Bhd

ISBN :

Author : Suri Ryana

Format : Mass Market Paperback 676 pages

Genre : Novels

 [Download Playboy Itu Suami Aku?! ...pdf](#)

 [Read Online Playboy Itu Suami Aku?! ...pdf](#)



Download and Read Free Online Playboy Itu Suami Aku?! Suri Ryana

From Reader Review Playboy Itu Suami Aku?! for online ebook

W.N. Leefia says

Aku start baca buku ni pun sebab heronya Fattah Amin. Hehehe.... hasilnya, aku mendapati baca novel lebih seronok berbanding tengok drama tv. Itu pendapat aku, orang lain tak tahulah....

Miera damia Syamiera says

akhirnye..habis jugak bce novel nii..

BESSSTTTTT!!

jlan cerite yg x berat sngat n mudah difahami..x sabar nak tggu drama pulak !

Fiza says

mula2 mmg best sgt2... cuma ending tu mcm x puas... mcm nk cepat sj.. tp still best la...

Jessy says

Sangat kecewa dengan buku ni. Penyampaian dan pengolahan cerita sangat kebudak-budakan. Dialog yang tak penting banyak dimasukkan. Terpaksalah banyak kali buat acara lompat kijang.

Bagi saya, selain pengisian plot, kriteria paling penting dalam sesebuah buku adalah cara penulisan/penggarapan dan heroin itu sendiri. Sekiranya mahu menggunakan POV 1, tolonglah jangan letak narator/heroin yang childish. Kalau tidak, the whole story akan menjadi annoying. Percayalah. Sikit-sikit jumpa babak, 'Mata kujulingkan ke atas.'

Part bertengkar terasa macam meleret-leret. Part romantik dan sweet bagai terasa macam geli geleman pun ada. Tidak realistiklah. Tidak boleh hadam. Tiba-tiba terlalu banyak ucapan I love you, I love you too sehinggakan jadi macam no feeling.

Apapun, part heroin terbang ke Seoul tanpa berbincang tu apa kes? Nampak sangat kebodohnya di situ.

Yuni says

1. Cover - serabut! Menyakitkan mata! Mengganggu tumpuan!

Huruf P yang overdose di jadikan hurud P yang besar betul2 menyakitkan mata yuni. Pening kepala. Yes, yang lain still ok tapi P tetap conquer seluruh cover.

2. Cara penulisan penulis untuk novel ini mengingatkan yuni pada gaya penulisan Rin Ahmad. Mula2 cerita A go to B then C, suddenly M continue with N and O before going back to H, I, and J then tadda...happily ever after. Macam main silang kata pula. Pening nak isi dalam timeline cerita. Mungkin salah yuni kerana

membaca buku seperti ini ketika otak ingin sesuatu yang santai2 sahaja.

3. Cinta boleh datang dan pergi sekelip mata. Mula2 Adrian tak suka tapi tak mampu melawan, akhirnya mengakui mencintai Afina. Then how about the girls before? Okay, diaorang mungkin rapat dengan Adrian sebab duit or rupa or apa2 sahaja. Tapi just that? Adrian yang buat salah, setelah beri harapan pada mereka, tinggalkan begitu sahaja.

Orang tua selalu kata, lelaki baik untuk perempuan baik. sama juga lelaki jahat, pasangannya perempuan jahat. Adil ke Adrian yang melukakan hati perempuan2 mendapat kebahagiaan seperti ini? Well, just because perempuan2 itu gedik, tak cukup kain or kikis harta orang, mereka seperti tempat persinggahan sahaja. Dan Adrian pula, seperti tidak pernah buat kesalahan, bebas mendapat kebahagiaan dengan Afina.

4. I prefer happy ending over sad ending. NO! I don't want to read sad ending. TETAPI untuk membaca oh betapa sweetnya pasangan ini bercinta sebelum ke selepas ke tengah berkahwin ke, sweet yang sampai ke tahap diabetes, it's too much for me. Manis2 buah still acceptable. Manis2 seperti lori gula baru jatuh di depan rumah, mencacatkan mood membaca. Janganlah sampai jadikan pembaca meluat untuk menyambung pembacaan.

The rest is okay lah for me

Zahida My says

Mengikuti kisah ini di laman blog Suri.. ternanti-nanti versi cetaknya. Sungguh, inilah buku pertama yang kak yus capai setelah pulang drp pwtc, teruja dan tertunggu-tunggu untuk mengetahui kesudahan kisah King dan Afina. Suri memang tak pernah mengecewakan Kak Yus. Hebat n Superb sekali PISA ini.

Awin says

sekali lg k.suri tak menghampakan peminatnya..karya yg ditunggu ni mmg best dan ader kelainan dr maid n ism...menyingkap kisah king yg berubah dr seorang playboy kepada pecinta sejati mmg mampu buat sy tersenyum...adakalanya geram jugak dgn sikap king tuh....cukup rencahnya....part percintaan king n fina mmg membuai perasaan.beberapa part memey xdpt sy predict dan semakin hampir ke garis penamat,semakin berdebar jantung gue hik3x.kesimpulannya, mmg rugi kalau tak bace karya ketiga k.suri niey.... btw,to k.suri yg cantik lg baik hati,karya akk mmg layak mendapat pengiktirafan dan tempat pertama dlm anugerah pilihan pembaca.TAHNIAH sekali lg tok maid n ism.....next year,sy akan vote utk pisa jugak :)keep on writing n abaikan penulis yg dengki ngn akak tuh...siap komen bagai kat sini padahal novel sendiri hampehhhh..sampah.

Zaryn Iddin says

antara novel yang ditunggu2.. segala nya memang terbaik, dari permulaan cerita hingga ketitik akhir semua nya nampak sempurna.. mmg bole jatuh cinta...

Yuezzie Anna says

Honestly saya tak faham tang mana yang best novel ni sbb seriously bg pendapat saya novel ni kebudak-budakan. Menyesal beli pun ada :(

Joy (Cheery?Reads) says

It took me longer than usual to finish this novel because I was really, really, really busy and occupied with my thesis and final projects. But, I managed to speed read through the story.

My verdict: Funny, very sweet and usual - signature writing style of Kak Suri =D

Two thumbs up...

Nisa says

Masa PBAKL 13 hari tu, novel ni tak ada pun dalam senarai harus dan wajib dibeli, tapi..kerana Suri Ryana ni penulis novel M.A.I.D... Nisa pun joinlah orang yang bersesak-sesak nak dapatkan novel ni. Teruslah terpending..sampailah semalam terbaca kat FB, novel ni akan di dramakan kat TV3... baru Nisa tergerak hati nak baca.

Ok, jalan cerita boleh layan...cuma Nisa kurang berminat 'sikit'... bila Novel ni menceritakan dari sisi 'Aku'.

Afina Aulia dan Afisyia Alia sepasang kembar seiras tapi berbeza penampilan dan perwatakan. Fina seorang gadis 'nerd' berhijab dan pakaian hariannya t-shirt lengan panjang/seluar jean..manakala, Fisya pula gadis bandar yang moden dan gemar berpakaian seksi. Sementara menunggu 'grad' Fina lebih senang membantu rakan karibnya Syaf di kedai bunga dan disitulah dia bertemu dengan Raja Adrian Benjamin a.k.a King.. (Fina menggelarkannya sebagai King Of Crocodile). Fisya pula gemar bersosial sehingga memeningkan kepala mama dan papanya. Fisya juga salah seorang koleksi GF King.

Fina sebelum ini dibesarkan oleh atok dan neneknya di kampung, setelah atok dan neneknya meninggal baru lah Fina tinggal dengan ibubapanya. Fisya amat membenci Fina dengan alasan Fina yang 'nerd' dan kolot memalukannya. Fisya sering menghina dan memalukan Fina...Fina pula sentiasa beralah.

Pada malam sambutan hari jadi Fina dan Fisya, Fina telah menampar King kerana tindakan King yang memeranjatkannya. Beberapa hari selepas itu Fina membantu Syaf untuk mengubah bunga sempena hari lahir cucu Puan Sri Zahida. Puan Sri Zahida merupakan ibu King. Fina terperangkap. Puan Sri menghantar rombongan meminang dan Fina menolak secara baik. Tapi, Puan Sri tidak berputus asa dan memberi tempoh 1 minggu kepada Fina.

Lima bulan kemudian, Fina tersedar dari koma akibat kemalangan jalan raya dan hilang ingatan. Fina hanya mengingat peristiwa sehingga habis peperiksaan di universiti sahaja. Fina rasa tertekan apabila mengetahui King adalah suaminya dan tiada siapa memaksanya untuk berkahwin dan perkahwinannya dengan King juga kerana agenda masing-masing, dia juga mendapat RM50k kerana perkahwinan itu.

Setiap hari, King dan Fina akan bertengkar. Kata King, Fina lain..dulu Fina sentiasa menurut perintah dan cuba menggodanya. Malah, dengan rela diri menerima tawaran Puan Sri untuk menjadi PA King.

Bila mereka berdamai dan mula menerima satu sama lain...Fisya pula muncul dengan agenda tersembunyi..

nilam says

bestttt!!

Kamaliah says

As usual, suri ryana's book ni santai n relaxing. However i must say that i like her other books better. The beginning was ok in fact, the beginning was fun n nice n smooth reading but then graph goes down towards the end. The author wants to create a conflict but maybe since her other books are more santai, she doesn't want the conflict to be too complicated hence the sudden ending. Was a little bit disappointed actually with the ending. The antagonist culprit got away just like that?!! Aisay potong stim daaaa... At least citer aaa dia kenek lepok skali dua ke... Hehehe... Anyway it was fun reading this n as usual the hero, romantik tak hengat tp tak leh celen Harris Noorul dalam MAID la... :)

Kiki says

Novel Playboy Itu Suami Aku?! (PISA) merupakan karya ketiga hasil tulisan Suri Ryana yang aku dah baca, selepas M.A.I.D dan Isteri Separuh Masa. Kedua-dua novel SR merupakan dua daripada novel-novel favourite I and are actually in my often read list. Ternyata karya beliau sekali lagi captured my heart. Plot dan characters dalam novel-novel SR sering menepati citarasa pembaca seperti aku yang memang not a fan of heavy conflicts and love triangle.

PISA menceritakan tentang perkahwinan yang I can still consider "paksaan"; tema yang memang menjadi favourite pembaca Melayu. Biasalah... Kalau dah namanya novel CINTA yang ditulis oleh orang ISLAM dan dipasarkan di kalangan masyarakat ISLAM, perlu ada ikatan yang sah di antara hero dan heroine cerita kalau nak adakan babak romantik. SR's novels semuanya bertemakan "Kawin Paksa" tetapi kesemua perkahwinan mempunyai penyebab yang berlainan.

Perjalanan cerita yang unique and brilliant apabila SR membawa pembaca melompat ke 5 years later, selepas peristiwa dipaksa kahwin. Mula-mula memang blur sikit sebab tiba-tiba saja Afina baru sedar dari koma yang meragut separuh dari ingatannya. Apparently, the heroine fallen in love with the same person twice! I like!

Watak lelaki dalam PISA mempunyai characterization yang kurang lebih sama dengan kedua-dua heroes novel SR yang sebelumnya -- romantik, manja, macho dan yang paling I like -- setia. Adrian, pada mulanya memang menyakitkan hati... tapi I know SR won't disappoint me when I reach the part where he sudah jatuh cinta and I was right.

Style penulisan yang sangat cemerlang and very professional. Sememangnya menulis menggunakan teknik

first person ne memang hard for me to accept sebab ia menceritakan dari sudut pandangan si "AKU". Very limited, if you ask me... and kadang-kadang, ada penulis yang suka overuse inner thoughts watak utama dalam penceritaan yang sering menggunakan perkataan seperti "Ceh", "Cewah", "Errr...", "Hummmm...", etc. Kalau di luar quotation mark, I memang anti sikit nak terima perkataan-perkataan macam tu. When reading SR novel, jarang sekali this thing happen. :)

Mengenai penggunaan bahasa Inggeris -- I really think it was superb. I don't see any wrong tenses... but most sentences are way too formal for speeches. SR should use abbreviation for most quotes I found too formal to be used in a speech, especially when the people talking are in a chaotic situation. Semasa we talk to someone, jarang we say "I am"... we use abbreviation "I'm" instead. Like when Puan Sri said, "I am fully satisfied..." tu... Macam too formal. Not really a big deal but still, thing like this did make me shake my head while reading.

I really love this novel. The only problem (above is not really a problem) that I have to complain is the ending. It's way too short and sudden. Feels like an implicit ending walaupun it's a happy result. Despite the ending, I really would recommend this novel because it won't make you stress much. :P

Sinopsis:

“Kurang asam betul! Dahlah simbah aku dengan air lopak, tak mintak maaf langsung! Blah macam tu aje”

Itulah permulaan segala-galanya. Kehidupan Afina tidak pernah aman semenjak mengenali playboy itu. Seorang playboy yang kerap kali membuatkan dia panas hati. Raja Adrian Benjamin atau nama ‘manja’ yang diberikan oleh Afina, King of Crocodile memang menguji tahap kesabaran seorang gadis nerd yang tidak mempunyai penampilan menarik seperti Afina.

Pertemuan Afina dengan Puan Sri Zahida, ibu kepada Raja Adrian semasa menolong rakannya menggubah bunga di majlis hari jadi cucu Puan Sri benar-benar melontarkan gadis ini ke lembah yang lebih mencabar. Sikap Puan Sri yang nekad untuk bermenantukannya membuatkan gadis itu buntu. Tambahan pula dia sedar yang adik kembarnya, Afisya adalah salah seorang teman wanita Raja Adrian Benjamin.

Afina dan Adrian, mulanya membantah dan menolak habis-habisan untuk disatukan. Akhirnya mereka bersetuju kerana masing-masing punya agenda tersendiri.

Afina terlibat dalam kemalangan dan tersedar dari koma sebagai penghidap amnesia. Lebih malang lagi apabila dia tidak langsung mengenali Adrian, suaminya sendiri.

Terkejut besar gadis itu apabila mengetahui yang dia sudah berkahwin! Dengan seorang playboy pulak tu! Bagi Adrian, Afina sekarang berbeza dengan Afina yang dulu. Afina telah berubah menjadi seorang yang lebih kasar dan tidak lagi mudah untuk dibuli seperti dahulu.

Mereka kerap kali bertegang urat dan saling membuli hingga memutikkan bunga-bunga cinta di taman hati masing-masing. Tapi, di saat mereka asyik menyulam cinta, Afina harus meninggalkan lelaki itu dan pergi jauh dari hidup Adrian. Apakah yang memaksa gadis itu meninggalkan lelaki yang dicintainya separuh mati itu? Adrian pula, setelah ditinggalkan buat kali kedua dalam hidupnya, dapatkah dia memaafkan wanita yang dicintainya?

“Playboy itu suami aku?! Biar betul!”

Tie Tinie says

yuhuuu.... done this book... on 14/5/2013..

Hurmm.. Best.. so u all boleh la beli & baca buku nie ye.. hhahaha...

cam ne nak review nie ek.. dah kehabisan kosa kata nak mereview.. kikikiki...

kisah kembar seiras tapi tidak sehati... Fina & Fisya.. perbezaan yg sangat ketara... dari segi paras rupa dan juga perangai..

Fina yg nerd (bak kata King)... tinggal dikampung bersama nenek, setelah nenek nya meninggal barulah Fina berpindah dan tinggal bersama keluarganya.

perkenalan tidak sengaja antara KING & FINA merubah hidup Fina. King yg playboy.. King a.k.a playboy yg tidak percaya pada cinta kerana hati pernah terluka.. (amboii ayat)... kiikiki..

pelbagai insiden yg berlaku sepanjang perkahwinan King & Fina, sehingga akhirnya mereka sedar "Hati telah Bersatu"... "cinta telah wujud" & "Rindu bertamu dihati"..

Dugaan datang bertandang..(kalau x de konflik x syokkan)... Dugaan terpaksa ditempuhi walaupun pahit.. :(kembar yg sentiasa cemburukan fina yg nerd.. merancang sesuatu yg diluar jangkaan sehingga memaksa Fina meninggalkan KING... cinta hatinya..

bak kata pepatah.. "kalau dah Jodoh pasti tak kemana"... yg berpisah bertemu kembali..

harus berterima kasih kepada Syaf(kawan baik Fina).. yg mencari ruang dan peluang untuk Fina & King bersatu semula..

hurmm... enjoy baca buku nie... tahniah buat penulis... Suri Ryana.. untuk novel ke3 ni... semoga sentiasa menghasilkan karya2 yg bagus & baik...

to all of you.. read this book...

happy reading.. & enjoy ur reading...

"Membaca dengan Hati... Menilai dengan Akal"...
